



AFFENDI (lima dari kiri), Acryl Sani (lima dari kanan) dan Roslan (empat dari kiri) bersama ketua-ketua agensi yang terlibat pada Majlis Penghargaan Perkhidmatan Operasi Benteng 2020-2022 di Kuala Lumpur semalam.

NTF dibubar secara rasmi 31 Disember

Oleh **MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD**

KUALA LUMPUR – Pasukan National Task Force (NTF) yang mengendalikan Operasi Benteng (Op Benteng) sejak 2020, dibubarkan secara rasmi 31 Disember ini.

NTF ditubuhkan pada 6 Mei 2020 melibatkan gabungan 18 agensi penguat kuasa dan keselamatan kerajaan yang bertanggungjawab mengekang penyebaran wabak Covid-19.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang berkata, NTF yang beroperasi selama dua tahun, tujuh bulan dan 25 hari itu bertanggungjawab dalam menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Katanya, pembubaran itu dibuat melalui sidang Majlis Keselamatan Negara bilangan 2 tahun 2022 setelah mengambil kira

situasi pandemik Covid-19 negara dan dunia semakin terkawal.

“Apa jua keputusannya, saya amat berpuas hati dengan segala usaha kawal selia dan pengurusan NTF serta pelaksanaan Op Benteng.

“Saya juga percaya, kita semua telah mengembleng seluruh tenaga melakukan yang terbaik. Yakinlah, organisasi bersepadu pelbagai agensi yang julung-julung kali diwujudkan ini berjaya membuktikan keberkesannya dengan sangat signifikan dan amat relevan sekali,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penghargaan Perkhidmatan Operasi Benteng 2020-2022 sempena pembubaran NTF di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Komander NTF, Datuk

Roslan Mohd. Yunus.

Op Benteng melalui kuasa Akta 342 iaitu Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, digerakkan oleh NTF bagi membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara serta mengekang penyebaran wabak COVID-19.

Ujar Affendi, kejayaan penyatuan 18 agensi itu bukan hanya dikecapi oleh NTF, malah ia telah memperlihatkan NTF serius terhadap mengekang pencerobohan kemasukan pendatang asing tanpa izin.

Melalui NTF, sebanyak 26,715 tangkapan melibatkan tekong (1,444 orang), PATI (23,894 orang) dan penyeludup (1,377 orang).

Katanya, melalui Op Benteng juga, 877 buah kapal dan bot serta 3,538 kenderaan darat dirampas dengan nilai rampasa keseluruhan berjumlah RM1.10 bilion.